



KANDUNGAN

	Muka Surat
1. PENDAHULUAN	1
2. SEMESTER A (FEM4999A/PSP4999A): KERTAS CADANGAN PROJEK	1
a. PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PROJEK	1
b. TAKLIMAT PITA	1
c. PANDUAN PENYEDIAAN DRAF KERTAS CADANGAN	2
d. PROSES PENGENDALIAN	2
e. SKEMA PENILAIAN	2
f. PENYERAHAN KERTAS CADANGAN PROJEK AKHIR	2
3. SEMESTER B (FEM4999B/PSP4999B): LAPORAN PROJEK ILMIAH TAHUN AKHIR	3
a. PENYEDIAAN LAPORAN PROJEK	3
b. PANDUAN MENULIS LAPORAN PROJEK	
c. FORMAT MENAIP LAPORAN AKHIR	14
d. PENILAIAN PROJEK ILMIAH TAHUN AKHIR	15
e. PENYERAHAN LAPORAN PROJEK	16
4. AMARAN: PLAGIAT/PLAGIARISM	16
5. LAMPIRAN A: KOMPONEN CADANGAN PENYELIDIKAN	18
6. LAMPIRAN B: CONTOH MUKA TAJUK	19
7. LAMPIRAN C: CONTOH PENGESAHAN PENYELIA	20
8. LAMPIRAN D: CONTOH PENGAKUAN PELAJAR	21
9. LAMPIRAN E: CONTOH ABSTRAK	22
10. LAMPIRAN F: CONTOH <i>ABSTRACT</i>	23
11. LAMPIRAN G: CONTOH PENGHARGAAN	24
12. LAMPIRAN H: CONTOH JADUAL KANDUNGAN	25
13. LAMPIRAN I: CONTOH SENARAI JADUAL	26
14. LAMPIRAN J: CONTOH SENARAI RAJAH	28
15. LAMPIRAN K: CONTOH SENARAI RINGKASAN	29
16. LAMPIRAN L: CONTOH FORMAT RUJUKAN/BIBLIOGRAFI	30
17. LAMPIRAN M: AGIHAN MARKAH MENGIKUT SEMESTER	31
18. LAMPIRAN N: CONTOH KULIT MUKA HADAPAN	33
19. LAMPIRAN O: JENIS DAN TAHAP TAJUK	34
20. LAMPIRAN P: CONTOH JADUAL	35

1. PENDAHULUAN

Pelaksanaan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) merupakan salah satu syarat bergraduasi bagi pelajar bachelors program BS(PM), BS(PM&P) dan BPG di Fakulti Ekologi Manusia. PITA dilaksanakan selama **dua (2) semester** pada **dua (2) semester terakhir pengajian**. PITA terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu FEM4999A/PSP4999A dan FEM4999B/PSP4999B. Kredit untuk FEM4999A/PSP4999A adalah tiga (3) kredit dan FEM4999B/PSP4999B adalah tiga (3) kredit. Taraf pendaftaran untuk FEM4999A/PSP4999A adalah **SP** dan taraf pendaftaran untuk FEM4999B/ PSP4999B adalah **YW**.

Objektif utama PITA adalah untuk memberi pemahaman dan kemahiran kepada pelajar tahun akhir program peringkat Bachelors di Fakulti Ekologi Manusia mengenai proses merancang dan melaksanakan penyelidikan. Objektif ini boleh dicapai dengan memberi peluang kepada pelajar merancang dan mengendalikan projek penyelidikan berkaitan dengan program pengajian di bawah penyeliaan pegawai akademik. Objektif PITA adalah untuk memberi pengetahuan, latihan dan kemahiran kepada pelajar untuk:

- i. Menjalankan penyelidikan dalam bidang tertentu.
- ii. Menganalisis dan menginterpretasi data kajian.
- iii. Menulis laporan penyelidikan secara saintifik.

Tajuk kajian mestilah berkaitan dengan bidang pengajian diikuti di Fakulti. Walaupun tajuk projek berbeza di antara satu dengan lain, semua pelajar akan mendapat latihan yang sama di dalam merancang dan mengendali aktiviti berkaitan dengan projek mereka. Ini termasuk pembentukan cadangan penyelidikan, pengendalian penyelidikan, pengurusan dan analisis data, pentafsiran data, penulisan hasil kajian dan akhirnya membentangkan hasil kajian di dalam seminar.

2. SEMESTER A (FEM4999A/PSP4999A): KERTAS CADANGAN PROJEK

a) PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PROJEK

Pada semester A pelajar perlu melaksanakan **dua (2)** perkara iaitu:

- i. Draf kertas cadangan projek (perlu dihantar sebelum pembentangan pada minggu ke-10 kepada penyelia).
- ii. Kertas cadangan lengkap (perlu dihantar selepas pembentangan pada minggu ke-17 di pejabat jabatan/Pejabat Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa))

b) TAKLIMAT PITA

Pelajar akan diberikan **Taklimat PITA oleh Penyelaras PITA** pada **minggu pertama** pengajaran. Berikut adalah maklumat yang akan diperolehi pada taklimat tersebut:

- i. Buku Panduan Projek Ilmiah Tahun Akhir.
- ii. Borang Pendaftaran Projek Ilmiah Tahun Akhir (PU/PS/BR06/AJR).
- iii. Borang Pelaksanaan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PU/PS/BR07/AJR).
- iv. Jadual Pelaksanaan Projek Ilmiah Tahun Akhir A dan B.

Pelajar perlu **melengkapkan borang PU/PS/BR06/AJR dan serah** kepada **penyelaras selewat-lewatnya** pada **minggu ketiga** pengajaran (beri nama penyelia).

c) PANDUAN PENYEDIAAN DRAF KERTAS CADANGAN

Draf kertas cadangan penyelidikan adalah sepanjang **10 muka surat, tidak termasuk rujukan dan lampiran**. Komponen yang diperlukan dalam Cadangan Penyelidikan adalah seperti di Lampiran A.

d) PROSES PENGENDALIAN

Proses pengendalian adalah seperti berikut:

i. Pemilihan tajuk dan penyelia

Setiap pelajar perlu memilih tajuk selepas berbincang dan mendapat persetujuan penyelia yang berkaitan. Pelajar perlu mengisi Borang Pendaftaran Projek Ilmiah Tahun Akhir (PU/PS/BR06/AJR) (Selewat-lewatnya pada minggu 3).

ii. Penyediaan draf kertas cadangan (berurusan dengan penyelia).

iii. Syarat pembentangan cadangan projek:

- Perjumpaan bersama penyelia sekurang-kurangnya enam (6) kali (mengisi Borang Pelaksanaan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PU/PS/BR07/AJR).
- Kebenaran penyelia untuk membentangi.

iv. Bentuk pembentangan adalah mengikut penyelarasan/jabatan. Contoh pembentangan adalah secara lisan/poster/*one to one*/ seminar).

v. Penyediaan kertas cadangan lengkap (rujuk penyelia).

vi. Penyerahan (sila rujuk no. 2(f)).

e) SKEMA PENILAIAN

Penilaian akan diberi berdasarkan borang berikut:

- i. Pendahuluan: Objektif (am & khusus) , Kenyataan masalah, Kepentingan kajian, Hipotesis (jika ada), Kerangka konsep/Definisi konsep dll.
- ii. Tinjauan Literatur/Ulasan Kajian lepas.
- iii. Metodologi
- iv. Rekabentuk kajian/Metod, Pengumpulan data (persampelan, instrumen & prosedur), Analisis data, Etika penyelidikan dll.
- v. Rujukan dan Lampiran
- vi. Keaslian penulisan

Penilaian kemajuan pelajar pada semester pertama kursus PITA adalah berdasarkan kepada perkembangan penyediaan aspek dalam cadangan penyelidikan, komitmen dan perundingan dengan penyelia.

Agihan markah mengikut semester sila lihat Lampiran M.

f) PENYERAHAN KERTAS CADANGAN PROJEK AKHIR

Pelajar perlu menyerahkan:

- i. Draf kertas cadangan sekurang-kurangnya 10 halaman kepada penyelia (sebelum pembentangan).
- ii. Kertas cadangan yang lengkap mengandungi bab 1, 2, 3 dan rujukan sekurang-kurangnya 30 halaman kepada pejabat jabatan/Pejabat Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) (selepas pembentangan).

Apabila pelajar tidak dapat memenuhi keperluan PITA pada semester pertama, pelajar tidak dibenarkan untuk melaksanakan FEM4999B/PSP4999B. Pelajar yang berjaya menyediakan cadangan projek dengan persetujuan penyelia akan diberi status S dan dibenarkan untuk mendaftar FEM4999B/PSP4999B.

3. SEMESTER B (FEM4999B/PSP4999B): LAPORAN PROJEK ILMIAH TAHUN AKHIR

a) PENYEDIAAN LAPORAN PROJEK

Pada semester B pelajar perlu menyediakan dua (2) perkara iaitu:

- i. Laporan PITA (diserah kepada penyelia sebelum pembentangan pada minggu ke-10).
- ii. Laporan PITA yang lengkap dan telah di'binding' (selepas pembentangan pada minggu 17 di pejabat jabatan/Pejabat Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)).

b) PANDUAN MENULIS LAPORAN PROJEK

Penilaian ke atas projek adalah berdasarkan kepada laporan akhir serta kemajuan dan pencapaian yang ditunjukkan oleh pelajar. Panduan tertentu perlu diikuti oleh pelajar semasa menulis laporan projek mereka untuk mendapatkan keseragaman di dalam penulisan laporan akhir. Laporan ini mestilah ditulis secara saintifik dan akademik. Laporan tersebut boleh ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Contoh turutan kandungan untuk laporan akhir PITA adalah seperti berikut:

- Muka Tajuk (rujuk Lampiran B)
- Pengesahan Penyelia (rujuk Lampiran C)
- Pengakuan pelajar (rujuk Lampiran D)
- Abstrak (rujuk Lampiran E)
- *Abstract* (rujuk Lampiran F)
- Penghargaan (tidak lebih 1 halaman) (rujuk Lampiran G)
- Jadual Kandungan (rujuk Lampiran H)
- Senarai Jadual (rujuk Lampiran I)
- Senarai Rajah (rujuk Lampiran J)
- Senarai Singkatan (rujuk Lampiran K)
- Bab 1 (Pendahuluan)
- Bab 2 (Tinjauan Literatur)
- Bab 3 (Metodologi Kajian)
- Bab 4 (Hasil Kajian dan Perbincangan)
- Bab 5 (Rumusan, Implikasi dan Cadangan)
- Rujukan/Bibliografi (rujuk Lampiran L)
- Lampiran-lampiran berkaitan

- **Pengesahan Penyelia**
Penyelia perlu mengesahkan kesahihan laporan penulisan yang telah disediakan oleh pelajar.
- **Pengkakuan pelajar**
Pelajar perlu memperakukan kajian dan penulisan laporan yang telah disediakan.
- **Abstrak dan Abstract**
Laporan ringkas mengenai penyelidikan yang telah dijalankan yang **tidak melebihi 350 perkataan**. Abstrak hendaklah ditulis di dalam Bahasa Malaysia (biasa) dan juga Bahasa Inggeris (italik). Abstrak mestilah menerangkan aspek-aspek penting di dalam teks seperti objektif kajian, metodologi kajian, hasil kajian, rumusan dan implikasi yang penting. Sila lihat lampiran E dan Lampiran F untuk contoh abstrak dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Langkau baris adalah 1.
- **Penghargaan**
PITA merupakan karya asli pelajar. Oleh yang demikian, pelajar hendaklah memperkenalkan sesiapa (organisasi dan individu) yang telah membantu menjayakan projek tersebut dan jenis bantuan yang didapati (misalnya, mengutip data, mengkod dan/atau menganalisis data, dan mengedit penulisan).
- **Jadual Kandungan**
Jadual kandungan merupakan rangka teks yang menunjukkan muka surat di mana bermulanya tajuk atau tajuk kecil. Setiap tajuk dan tajuk kecil dalam Jadual Kandungan mestilah sama dengan yang terdapat di dalam laporan. Muka surat untuk ‘PENGHARGAAN’, ‘SENARAI’, ‘JADUAL’, dan kedua-dua ‘ABSTRAK’ dan ‘ABSTRACT’ hendaklah ditulis dengan ‘Roman Numeral’ (contoh: i, ii, ..., n) dan muka surat yang seterusnya ditulis dengan huruf ‘Arabic Numeral’ (contoh: 1, 2, ..., n).
- **Senarai Jadual**
Senarai ini diperlukan jika terdapat jadual dalam penulisan laporan. Tajuk jadual dalam laporan hendaklah ditulis di bahagian atas jadual. Setiap tajuk mestilah sama dengan yang terdapat di dalam laporan.
- **Senarai Rajah**
Senarai ini diperlukan jika terdapat rajah dalam penulisan laporan. Tajuk rajah dalam laporan hendaklah ditulis di bahagian bawah rajah. Setiap tajuk mestilah sama dengan yang terdapat di dalam laporan.
- **Senarai Singkatan**
Senarai ini diperlukan jika terdapat huruf singkatan yang digunakan dalam penulisan laporan. Oleh itu, perkataan penuh yang mewakili singkatan tersebut perlu dinyatakan di bahagian ini.
- **Bab 1 (Pendahuluan)**
Pendahuluan seharusnya mengandungi:-
 1. Pengenalan
 2. Kenyataan masalah (dan persoalan kajian jika ada)
 3. Kepentingan kajian
 4. Objektif kajian
 5. Hipotesis (sekiranya perlu)

6. Definisi konseptual dan operasional istilah utama (seperti angkuh bebas dan angkuh bergantung yang dikaji)
7. Kerangka konseptual kajian.

- **Bab 2 (Tinjauan Literatur)**

Tinjauan Literatur kajian hendaklah meliputi penyelidikan dan maklumat yang berkaitan dan boleh menguatkan kepentingan kajian anda. Rujukan boleh didapati daripada buku, jurnal dan pelbagai laporan. Penulisan yang tidak saintifik seperti dari majalah dan surat khabar tidak digalakkan. Rujukan haruslah dihadkan kepada bahan yang berusia antara 5 hingga 10 tahun kecuali kajian bercorak falsafah, sejarah, teori dan klasik. Rujukan tempatan perlu diutamakan.

- **Bab 3 (Metodologi Kajian)**

Metodologi/Kaedah yang digunakan merupakan sebahagian daripada laporan yang akan menerangkan rekabentuk penyelidikan yang telah dijalankan. Penerangan ini hendaklah merangkumi:

1. Lokasi kajian
2. Persampelan
3. Peralatan atau instrumentasi (termasuk pra-ujian, pemarkahan serta reliabiliti dan validiti peralatan, jika sesuai);
4. Pengukuran angkuh;
5. Kaedah menganalisis data; dan
6. Tanggapan, pengawalan (jika ada) dan limitasi

- **Bab 4 (Hasil Kajian dan Perbincangan)**

Bahagian ini mengandungi hasil kajian, dan cara data dianalisis. Perbincangan adalah mustahak untuk memberi penekanan kepada keputusan yang diperolehi. Ini termasuklah perbezaan atau persamaan hasil kajian ini dengan kajian lain yang berkaitan dan juga sama ada hipotesis disokong atau tidak. Sertakan jadual dan rajah yang difikirkan berkaitan dan perlu sahaja. Elakkan membentangkan data yang sama dalam bentuk yang berbeza.

- **Bab 5 (Rumusan, Implikasi dan Cadangan)**

Perbincangan berkenaan dengan implikasi keputusan dari segi teori dan praktikal serta cadangan untuk penyelidikan yang akan datang.

- **Rujukan/Bibliografi**

Terdapat lima jenis rujukan, iaitu (i) rujukan berbentuk buku atau artikel yang bercetak dalam bentuk kertas; (ii) rujukan daripada seminar dan mesyuarat; (iii) rujukan berbentuk Dissertasi Kedoktoran dan Master; (iv) rujukan berbentuk elektronik atau online; (v) rujukan berbentuk media audiovisual; dan (vi) Rujukan Dalam Teks. Sila rujuk kepada Lampiran L untuk contoh menulis rujukan.

- i) **Rujukan berbentuk buku atau artikel:**

Terdapat beberapa aspek penting yang perlu dipatuhi oleh pelajar termasuklah:

- a) Rujukan hendaklah disusun mengikut abjad.
- b) Cara untuk menulis rujukan daripada jurnal, buku, laporan dan sumber lain adalah berbeza mengikut stail penulisan yang dipilih oleh pelajar.
- c) Nama untuk semua penulis bagi sesuatu rujukan hendaklah dimasukkan. (Dalam senarai rujukan, et al., tidak boleh digunakan).

Sekiranya ada pelajar yang ingin mengikut cara lain untuk penulisan bibliografi, persetujuan mesti di dapati daripada penyelia berkenaan terlebih dahulu.

○ **Cara menulis rujukan berbentuk artikel dalam jurnal:**

Artikel jurnal, seorang penulis

Penulis, A.A (tahun). Tajuk artikel. *Tajuk Jurnal*, nombor, bilangan, muka surat.

Contoh:

Bella, B.A. (2001). Characteristics of troubled adolescents. *Psychological Bulletin*, 116, 820-830.

Artikel jurnal, dua orang penulis

Penulis, A.A. & Penulis, B.B. (tahun). Tajuk Artikel. *Tajuk Jurnal*, nombor, bilangan, muka surat.

Contoh:

Chomsky, J., & Parker, T. (2000). The ADA and the hiring process in organizations. *Consulting Psychology Journal: Practice and Research*, 35(1), 17-35.

Artikel jurnal, tiga sehingga enam orang penulis

Penulis, A.A., Penulis, B.B., & Penulis, C.C. (tahun). Tajuk artikel. *Tajuk Jurnal*, nombor, bilangan, muka surat.

Contoh:

Papalis, K., Gregory, M., & Reseir, Z. (1998). Didactic adjustments in fathers' speech to their 3-month-old infants. *Journal of Psycholinguistic Research*, 19,3, 545-690.

Artikel jurnal, lebih daripada enam orang penulis

Penulis, A.A., Penulis, B.B., Penulis, C.C., Penulis, D.D., Penulis, E.E., & Penulis, F.F. (tahun). Tajuk artikel. *Tajuk Jurnal*, nombor, bilangan, muka surat.

Contoh:

Wilt, A., West, S. Sandros, N., Troy, J., Cowen, L., Leesch, L. et al. (2001). An experimental evaluation of theory based mother and mother child programs for children of divorce. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 12, 802-838.

Nota:

- ❑ Selepas nama penulis yang keenam dan initial (contoh: A., J. dan L.), gunakan et al. bagi menunjukkan nama-nama penulis lain di dalam artikel.
- ❑ Dalam penulisan tesis, gunakan nama pertama daripada kesemua penulis (bagi lebih daripada enam orang penulis) seperti (Wilt et al., 2001).

○ **Cara menulis rujukan berbentuk buku:**

Penulis, A.A., Penulis, B.B., & Penulis, C.C. (tahun). *Tajuk Buku*. Tempat: Penerbit.

Contoh:

Rohani, A. (2001). *Perkembangan Kanak-kanak: Penilaian secara portfolio*. Serdang, Selangor: Penerbit UPM.

Nota:

- ❑ Jika buku berkenaan mempunyai lebih daripada enam orang penulis, gunakan syarat seperti yang diterangkan mengenai cara menulis rujukan berbentuk jurnal artikel.

- Jika penulis dari Malaysia, sila tuliskan nama yang diberi oleh keluarga di hadapan dan nama keluarga di belakang sebagai initial (contoh: Rohani, A.).

Contoh-contoh lain menulis rujukan bagi sumber buku:

Buku, edisi ketiga, terdapat nama Junior (Jr.)

Molly, L.R., & Larcy, P.M., Jr. (1987). *People in organizations: An Introduction to organizational behavior* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.

Buku, penulis berkumpulan (agensi kerajaan) sebagai penerbit

Australian Bureau of Statistics. (1997). *Estimated resident population by age and sex in statistical local areas, Queensland, August 1996* (No.3157.1). Canberra, Australian Capital Territory: Author.

Buku yang diedit

Girsch, K.P. & Melcy, L.N. (Eds.)(1995). *Children of Color: Psychological Intervention's with Minority Youth*. Wisconsin: Jerry-Barsh.

Rozumah, B. & Rumaya, J. (2001). (Editor) *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*. Serdang, Selangor: Penerbit UPM.

Nota:

- Bagi buku yang hanya mempunyai seorang penulis dan seorang editor, senaraikan nama editor dalam kurungan selepas tajuk buku yang dirujuk.

Buku, tiada penulis atau editor

Merriam-Webster's collegiate dictionary (11th ed.). (1995). Springfield, MA: Merriam-Webster.

Buku, edisi yang dibaikpulih

Merriot, R.(1991). *Meta-analytic procedures for social research* (Rev.ed.). Newbury Park, CA:Sage

○ **Manual bagi Diagnosa dan Statistik Kecelaruhan Mental**

American Psychiatric Association. (1994). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders* (4th ed.). Washington, DC: Author

Nota:

- Pertubuhan yang tertera dalam contoh di atas merujuk kepada penulisan dan penerbit.
- Tuliskan edisi rujukan yang digunakan beserta dengan nombor *arabic* (contoh: 1,2 dan 4) dalam kurungan.
- Dalam penulisan tesis, tulis nama pertubuhan dan nama manual secara penuh dan *diitalickan*. Contohnya adalah seperti berikut:
 - DSM-III* (1980) edisi ketiga
 - DSM-III-R* (1980) edisi ketiga, dibaikpulih
 - DSM-IV* (1994) edisi keempat
 - DSM-IV-TR* (1980) teks yang telah dibaikpulih

- **Ensaiklopedia atau kamus**
Porrew, S. (Ed.). (1989). *The new Grove dictionary of music and musicians* (9th ed., Vols. 1-27). London: Macmillan.
- Nota:**
 - Jika rujukan berkenaan bekerja dengan jawatankuasa editor yang besar, maka, senaraikan nama ketua editor dan dituruti dengan **et al.**
- **Buku yang bukan dalam bahasa Inggeris**
Mansor, M.A. (1997). *Deutsch von kram pliiio. [Kaunseling teori, proses dan kaedah]* Hamburg: Van Kramer Hirsch.-

ii. Rujukan daripada seminar dan mesyuarat

- **Kertas kerja yang disumbangkan kepada seminar, artikel dan bab dalam buku yang telah diedit.**
Liec, M.H. & Mussolini, R.M. (1991). A motivational approach to self intergration in personality. Dalam R. Dorris (Ed.), *California Symposium On Sexuality: Vol 43. Pertspectives In Sexuality* (pp.259-289). Los Angeles: University of South California Press.
- Nota:**
 - Pastikan nama seminar berkenaan berhuruf besar seperti tertera di atas.
 - Jika nama negara, negeri dan daerah dimasukkan dalam nama universiti, jangan ulang lokasi penerbitan berkenaan.
- **Kertas kerja yang disumbangkan kepada seminar tetapi tidak diterbitkan**
Stein, M.N., Johnny, R.S., Wilsmith, T.D., Jean, L.M., & Chiler, C.K. (1990, Jun). Relaxation therapy for polypharmacy use in elderly insomniacs and noninsomniacs. Dalam T.L. Rosenthal (Pengerusi), *Reducing medication in geriatric populations*. Seminar yang dijalankan semasa Kongres Tingkahlaku Perubatan Kebangsaan Pertama, Uppsala, Sweden.
- Nota:**
 - Berikan bulan di mana seminar berkenaan dijalankan.
- **Kertas kerja yang tidak diterbitkan dan dibentangkan dalam mesyuarat**
Neir, P. & Cloney, L. (1998, Februari). *Early data on the Trauma Symptom Checklist for Children (TSC-C)*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam perjumpaan Masyarakat Profesional dalam Membanteras Keganasan Terhadap Kanak-kanak, San Diego, CA.
- **Sesi poster**
Ruby, J. & Fulton, C. (1999, Julai). *Beyond redlining: Editing software that works*. Sesi poster yang dibentangkan semasa perjumpaan persatuan Penerbitan Schilarly, Wishington, DC.
- Nota:**
 - Berikan bulan di mana sesi poster berkenaan dijalankan.

iii. Rujukan berbentuk Dissertasi Kedoktoran dan Master

- **Dissertasi Kedoktoran yang diabstrak daripada Dissertation Abstracts International (DAI) dan diperolehi daripada UMI.**

Laurice, M.M. (1999). Employee assistant programs supervisory referrals: Characteristics of referring and nonreferring supervisors. *Dissertation Abstracts International*, 98 (02), 784B. (UMI No.9986743).

- **Dissertasi Kedokteran yang diabstrak daripada Dissertation Abstracts International (DAI) dan diperolehi daripada universiti.**
West, R. (1990). Unconscious transference and mistaken identity: When a witness misidentifies a familiar but innocent person from a lineup (Disertasi kedokteran, Harvard University, 1992). *Dissertation Abstracts International*, 98, 398.
- **Dissertasi Kedokteran yang tidak diterbitkan**
Knot, L.W. (1998). *Interpersonal analyses of bulimia: Normal weight and obese*. Disertasi kedokteran yang tidak diterbitkan, University of Missouri-Columbia.
- **Tesis Master yang tidak diterbitkan dan berasal luar daripada Amerika Syarikat**
Alrahum, P.N. (1995). *Fathers' participation in family work: Consequences for fathers stress and father-child relations*. Dissertasi tesis Master yang tidak diterbitkan, University of Victoria, Victoria, British Columbia, Canada.

iv. Rujukan berbentuk elektronik atau online

Bentuk menulis rujukan *online* masih belum dipersetujui oleh para perpustakaan dan penyelidik. Walau bagaimanapun, *Web Extention to American Psychological Association Style (WEAPAS)*, setelah mengambilkira kepelbagaian jenis penulis (seperti : “nama samaran”, “modifier”, “webmaster”, “maintainer” dan “editor”), perubahan tarikh, tajuk dan maklumat (yang sentiasa dikemaskinikan), mencadangkan cara untuk menulis rujukan elektronik adalah dengan memulakan dengan nama penulis, (tahun, tarikh maklumat dibaca “download”, tajuk ketika di “download” dan link atau alamat “homepage” seperti berikut:

- **Cara menulis rujukan artikel online:**
Penulis, A.A., Penulis, B.B., & Penulis, C.C. (tahun). Tajuk artikel. *Tajuk Jurnal*, xx,xxxxx. Bulan hari, tahun (dimuat turun), dari sumber.

Contoh:

VandenBos, G. (2001). Role of reference elements in the selection of resources by psychology undergraduates [Versi elektronik]. *Journal of Bibliographic Research*, 5, 117-123.

Sekiranya maklumat atau format artikel yang anda rujuk **telah atau sentiasa berubah**, anda perlu tambahkan **tarikh dan URL** dokumen tersebut di “muat turun (download)” seperti berikut:

VandenBos, G., Knapp, S., & Doe, J. (2001). Role of reference elements in the secection of resources by psychology undergraduates. *Journal of Bibliographic Research*, 5, 117-123. Retrieved October 13, 2001, dari <http://jbr.org/articles.html>

- **Cara menulis rujukan dokumen online:**
Penulis, A.A. (tahun). *Tajuk dokumen*. Retrief bulan, hari, tahun, dari sumber.
Contoh:

McDikens, A. (2000). Skinbeads: Is it a form of rebellion? Retriief pada Disember 31, 2001, dari Laman web University of Wisconsin-Madison, Institute for Social Behavior: <http://www.ilt.madison.edu/publications/papers/skins1.html>

- **Cara menulis rujukan dokumen *online* persendirian, tiada penulis, tiada tarikh:**

GVU's 8th WWW user survey. (n.d.). Dimuat turun pada Mac 8, 2001, dari laman web http://www.cc.gatech.edu/gvu/user_surveys/survey-1997-10

Nota:

- Jika nama penulis tiada, mulakan menulis rujukan dengan tajuk dokumen berkenaan.

- **Cara menulis rujukan dokumen yang didapati daripada program universiti atau laman web:**

Chan, C., McTosh, D., Morrey, F., & Romen, D.H. (1998). *Technology and education: New wine in new bottle: Choosing pasts and imagining educational futures*. Retrieved July 31, 2001, dari Laman web University of Wisconsin-Madison, Institute for learning Technologies: <http://www.ilt.madison.edu/publications/papers/newwine1.html>

Untuk maklumat lanjutan berkenaan cara menulis rujukan online, sila rujuk kepada American Psychological Association (APA)(n.d/1998) *How to Cite Information From the Internet and the World Wide Web* [WWWdocument].URL <http://www.apastyle.org/elecref.html/>

v. Rujukan berbentuk media *audiovisual*

- **Cara menulis rujukan dari filem**

Rajoli, M.R., (Penerbit), & Jalaludin, H.M. (Penulis/Pengarah). (2002). *Kahwin Lagi! [Filem]*. Malaysia: Ampas Studio.

American Psychological Association (Penerbit). (2000). *Responding therapeutically to patient expressions of sexual attraction: A stimulus training tape [Filem]*/ (Boleh didapati dari American Psychological Association, 750 Devon Street, W), Washington, DC 20004-45470

Nota:

- Berikan nama dan dalam kurungan, fungsi setiap nama yang diberikan (contoh: penerbit, penulis dan pengarah)
- Tulis "(filem)" sebaik sahaja selepas tajuk filem berkenaan
- Berikan negara asal filem berkenaan diterbitkan serta nama studio berkenaan.
- Jika filem berkenaan sukar didapati, sila berikan nama pengedar dan alamat lengkap dalam kurungan "(xxx)".

- **Berita dalam televisyen**

Leman, M. (Penerbitan Eksekutif). (1999, Mei 13). *Berita Perdana TV7* [Berita dalam televisyen]. Kuala Lumpur: Astroy Sdn. Bhd.

- **Siri dalam televisyen**
Zaidi, A. (Penerbit). (2002). Kenali manusia [Siri dalam televisyen]. Kuala Lumpur: TV9.
- **Sesebuah episod daripada siri televisyen**
Haikal, L.K (Penulis), & Bedah, M. (Pengarah). (1998). *Hukum alam rahim* [Episod dalam siri televisyen]. Dalam J. Karisma (Penerbit), *Perkembangan Manusia: Dari rahim ke alam bazarkh*. Kuala Lumpur: Syarikat Kuasatok Sdn. Bhd.
- **Rakaman muzik**
Penulis, A. (Tarikh copyright). Tajuk lagi [Nama artis jika penulis bukan artis tersebut]. Tajuk album [Medium rakaman: CD, kaset dan sebagainya]. Lokasi: *Label*. (Tarikh rakaman jika berbeza dengan tarikh *copyright*).
Contoh:
Suwastri, K.M. (1998). Selamatkan daku [Dirakamkan oleh Mas A., Yunus, L. & Nas, O.]. *Kembali* [CD]. Studio 5: Anaz Legacy Records. (2001).
Nota:
 - Dalam penulisan dalam tesis, berikan nama kumpulan atau bilangan trek: “Selamatkan Daku” (Suwastri, 1998, trek 5).
- **Rakaman audio**
Ayu, A.R., (Penceramah). (1999). *Personaliti dan penyesuaian dalam kehidupan berpasangan*. Rakaman Kaset No. 207-467-88A-B). Kuala Lumpur: Persatuan Psikologi Malaysia.
Nota:
 - Berikan nama dan fungsi nama yang diberikan (contoh). Ayu merupakan penceramah dalam rakaman yang telah dibuat).
 - Jelaskan medium rakaman berkenaan yang telah dibuat selepas sahaja tajuk berkenaan (contoh: rakaman kaset). Berikan nombor dalam kurungan jika ada.
 - Berikan lokasi dan nama pengedar rakaman audio berkenaan (contoh: Persatuan Psikologi Malaysia).

v. Rujukan Dalam Teks

- Tulis dalam kurungan nama pengarang diikuti oleh tahun terbitannya.
Contoh: (Smith, 1986)
- Sekiranya nama pengarang disebutkan dalam teks, letak tahun untuk terbitannya sahaja dalam kurungan.
Contoh: Taylor dan Smith (1986)
- Rujukan bagi terbitan oleh tiga atau lebih penulis, tulis nama semua penulis dan tahun bagi rujukan pertama kali di dalam teks. Bagi rujukan kali kedua dan seterusnya, tulis nama penulis pertama diikuti oleh et al. Boleh juga et al., digariskan di bawah atau ditulis dengan tulisan condong (*italic*).

Contoh: Pertama kali:
(Wong, Aminah, Ahmad & Rama, 1981)
Kali kedua dan berikutnya:
(Wong et al., 1984), atau
(Wong et al., 1994), atau
(Wong *et al.*, 1994)

Senarai rujukan hanya perlu memuatkan senarai bahan yang dirujuk oleh pelajar. Pastikan bahawa semua bahan yang dirujuk disenaraikan di dalam bibliografi.

- Rujukan berbentuk elektronik atau *online*, tulis sumber, muka surat bab, rajah atau jadual dalam teks, misalnya:

(Cheek & Buss, 1981, muka surat 332) atau (Shimamura, 1989, bab 3)

Bagi sumber elektronik yang tiada maklumat muka surat, gunakan simbol perenggan diikuti oleh nombor perenggan, jika ada. Jika tiada muka surat atau nombor perenggan, gunakan tajuk kecil dan bilangan perenggan selepas tajuk tersebut, misalnya:

Rohani (bahagian 3.39)

atau

(Myers, 2000, 5)

atau

(Beutler, 2000, *Conclusion section*, para 1)

*****Peringatan**

- a) Pelajar diingatkan bahawa hanya rujukan yang telah dibaca oleh pelajar sendiri boleh dimasukkan dalam bibliografi.
- b) Pelajar tidak digalakkan membuat petikan yang melibatkan pihak ketiga.

Contoh:

...Tasket et al. (1956) melaporkan bahawa pada tahun 1954, 5750 wanita mengandung yang mendapat rawatan antenatal di Hospital Besar, Kuala Lumpur mengalami anemia, seperti dicatat dalam Tee (1984).

Rujukan asal Tasket et al. (1956) mesti dibaca oleh pelajar sekiranya rujukan ini hendak dimasukkan dalam laporan pelajar tersebut.

- **Lampiran berkaitan**

Lampiran seharusnya meliputi maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian tetapi tidak begitu sesuai atau terlalu panjang untuk dimasukkan ke dalam laporan, contohnya: borang soal selidik, prosedur dan sebagainya. Jadual yang digunakan untuk perbincangan mestilah berada di dalam teks bukan di dalam lampiran melainkan jadual yang terlalu panjang.

Syor Lain

- a) **Jadual:** Jangan sertakan terlalu banyak jadual. Jadual boleh dirumuskan untuk meliputi beberapa maklumat yang sama. Contohnya latar belakang responden boleh dimuatkan di dalam satu jadual. Tidak perlu membentangkan jadual bagi setiap angkubah. Di dalam beberapa keadaan tertentu jadual boleh digantikan dengan penerangan ringkas sahaja. Tiap-tiap jadual hendaklah diletakkan di muka surat baru, kecuali jadual yang pendek, dan dua jadual boleh dibuat pada muka surat yang sama. Jadual perlulah ditunjukkan pada muka surat berikutnya setelah ianya dirujuk di dalam teks. Hanya garisan melintang sahaja yang perlu dibuat pada jadual. Setiap jadual perlu mempunyai tajuk. Cara menulis tajuk dan contoh membuat jadual adalah seperti di Lampiran P. Sekiranya jadual terlalu panjang bolehlah disambung di muka surat seterusnya dengan menulis “(samb)” di akhir tajuk pada muka surat sambungan itu.

- b) **Gambar (foto):** Gambar berwarna atau hitam putih yang disertakan hendaklah tanpa tepi (*border*). Lekatkan di atas kertas dengan penerangan di bawahnya. Elakkan daripada mencetak gambar putih di atas kertas berkilat (*glossy paper*). Salinan gambar tidak diterima.
- c) **Rajah (figures):** Hendaklah dilukis di atas kertas putih dengan dakwat hitam India (*black Indian ink*), kemudian diambil rajahnya atau dibuat salinan. Semua graf mestilah diberi bilangan dan tajuknya ditulis di bawah rajah berkenaan.
- d) **Unit dan singkatan:** Gunakan unit metrik dan singkatan mengikut “*International System of Units*”.
Contohnya:
Gram (g)
Milligram (mg)
Sentimeter (sm)
- e) **Penggunaan nama saintifik:** Nama-nama saintifik hendaklah ditulis di dalam bentuk huruf condong (*italic*) atau digariskan.
- f) Setiap perenggan mestilah mengandungi lebih dari satu ayat.

c) **FORMAT MENAIP LAPORAN AKHIR**

- i. Laporan akhir hendaklah ditaip atas kertas 21sm x 29sm (A4) dengan menggunakan sebelah muka sahaja. Kertas yang digunakan adalah kertas putih yang tebal (70-80 gram, “white bond paper”).
- ii. Laporan hendaklah ditaip dengan jangkau dua baris (*double-spaced*) dan “*justified*”. Walau bagaimanapun, bagi jadual, “*quotation*” yang terlalu panjang, nota kaki, dan bibliografi, jangkau satu baris (*single-spaced*) dibenarkan.
- iii. Saiz tulisan mestilah tidak kecil daripada 10 point. Saiz tulisan yang boleh diterima adalah:
 - Microsoft Word: CG Times 13 pt, Times New Roman 12 pt, Courier 12 pt, Palatino 12 pt atau New York 12 pt.
 - IBM Wordperfect: Courier 10cpi, CG Times 13 pt, Universe 12 pt atau Palatino 12 pt.
- iv. Tiap-tiap tajuk bab hendaklah ditaip dengan huruf besar di bahagian tengah muka surat. Tajuk kecil seterusnya hendaklah ditaip mengikut tahap tajuk tersebut. (Sila rujuk Lampiran O).
- v. Ruang untuk muka surat tajuk pada setiap bab hendaklah 6.5sm (2.5”) pada sebelah atas, 4sm (1.5”) sebelah kiri dan 2.5sm (1”) pada sebelah kanan dan bawah. Ruang antara tajuk dan baris pertama pada setiap bab adalah enam baris.
- vi. Tinggalkan tidak kurang daripada 2.5sm (1”) pada sebelah kanan, atas dan bawah dan 4sm (1.5”) pada sebelah kiri. Semua tulisan termasuk nombor muka surat mesti berada di dalam margin ini.
- vii. Baris pertama bagi setiap perenggan mesti dimulakan lima jangkau ke dalam (*indent five spaces*), melainkan abstrak, tajuk kecil (kecuali tajuk kecil bagi tahap 5 dan senarai rujukan).

viii. Bilangan muka surat hendaklah diletakkan di tepi kanan atas, di tengah bawah atau di tengah atas. Semua nombor muka surat perlu berada di tempat yang sama. Cara menomborkan muka surat adalah seperti berikut:

- Muka surat Tajuk (**tiada nombor muka surat**)
2. Muka surat Pengesahan Penyelia (**tiada nombor muka surat**)
 3. Muka surat Pengakuan Pelajar (**tiada nombor muka surat**)

----- **guna huruf kecil Roman dalam bahagian ini** -----

4. Abstrak (dalam Bahasa Melayu dan Inggeris) (**gunakan huruf kecil Roman i dan ii**)
5. Muka surat Penghargaan (**gunakan huruf kecil Roman iii**)
6. Senarai Jadual, Rajah dan Singkatan (muka surat berasingan) (**gunakan huruf kecil Roman seterusnya**)
7. Lampiran berkaitan (**gunakan huruf kecil Roman seterusnya**)

----- **gunakan nombor bagi bahagian utama laporan** -----

8. Pendahuluan (**mulakan nombor 1**)
9. Tinjauan Literatur (**teruskan nombor muka surat**)
10. Metodologi Kajian (**teruskan nombor muka surat**)
11. Hasil kajian dan Perbincangan (**teruskan nombor muka surat**)
12. Rumusan, Implikasi dan Cadangan (**teruskan nombor muka surat**)
13. Rujukan/Bibliografi (**teruskan nombor muka surat**)
14. Lampiran (jika ada) (**teruskan nombor muka surat**)

ix. Mulakan bahagian-bahagian yang disenaraikan di bawah pada muka surat yang baru dan berasingan:

Setiap muka surat, selain daripada muka surat Tajuk, muka surat Pengesahan Penyelia dan muka surat Pengakuan Pelajar hendaklah ditulis nombor. Gunakan *Arabic Numeral* (iaitu 1,2,3,4,5 dan seterusnya) untuk bahagian utama atau isi laporan. Gunakan huruf kecil Roman (iaitu i,ii, iii, iv, v dan seterusnya) untuk muka surat yang berada sebelum bahagian utama tersebut.

- Muka Tajuk (rujuk Lampiran B)
- Pengesahan Penyelia (rujuk Lampiran C)
- Pengakuan pelajar (rujuk Lampiran D)
- Abstrak (rujuk Lampiran E)
- *Abstract* (rujuk Lampiran F)
- Penghargaan (tidak lebih 1 halaman) (rujuk Lampiran G)
- Jadual Kandungan (rujuk Lampiran H)
- Senarai Jadual (rujuk Lampiran I)
- Senarai Rajah (rujuk Lampiran J)
- Senarai Singkatan (rujuk Lampiran K)
- Bab 1 (Pendahuluan)
- Bab 2 (Tinjauan Literatur)
- Bab 3 (Metodologi Kajian)
- Bab 4 (Hasil Kajian dan Perbincangan)
- Bab 5 (Rumusan, Implikasi dan Cadangan)
- Rujukan/Bibliografi (rujuk Lampiran L)
- Lampiran-lampiran berkaitan

- x. Laporan draf dan laporan akhir perlu ditaip dengan menggunakan komputer. Semua syarat yang diuraikan di atas mesti dipatuhi.

d) PENILAIAN PROJEK ILMIAH TAHUN AKHIR

Skema Markah

Pelajar diharapkan supaya menunjukkan inisiatif, kebolehan, kefahaman, kematangan dan kreativiti di dalam proses pengendalian projek penyelidikan dari awal hingga akhir. Pencapaian dan hasil kerja pelajar akan diperiksa oleh Penyelia dan Penilai (yang dilantik untuk menilai pembentangan pelajar). Tujuh puluh peratus (70%) daripada markah diberi oleh Penyelia dan tiga puluh peratus (30%) oleh Penilai. Pembahagian terperinci adalah seperti yang tercatat dalam jadual di bawah:

Aspek	Pemeriksa	Markah (%)
Cadangan projek	Penyelia	10
Kemajuan kerja sepanjang projek	Penyelia	20
Pembentangan cadangan projek	Penilai	15
Pembentangan hasil kajian	Penilai	15
Laporan akhir	Penyelia	30
Laporan akhir berjilid	Penyelia	10
JUMLAH		100

Antara aspek yang dinilai ialah:

- a. Abstrak
- b. Pendahuluan
- c. Tinjauan Literatur
- d. Metodologi Kajian
- e. Hasil Kajian dan Perbincangan
- f. Rumusan, Implikasi dan Cadangan
- g. Rujukan dan Lampiran
- h. Keaslian Penulisan

Agihan markah mengikut semester sila lihat Lampiran M.

e) PENYERAHAN LAPORAN PROJEK

Setelah laporan akhir digred, pelajar dan penyeliannya akan membincangkan tentang pembetulan yang perlu dibuat oleh pelajar (jika ada) sebelum dijilidkan. Pembetulan akan dibuat oleh pelajar dan penyelia akan memastikan bahawa segala pembetulan yang dicadangkan oleh Penyelia dibuat oleh pelajar sebelum menandatangani laporan akhir berkenaan.

Pelajar perlu menyerahkan **tiga(3)** salinan laporan akhir seperti berikut **kepada Penyelaras:**

- ✚ **Dua(2)** salinan berjilid iaitu satu untuk Fakulti dan satu untuk Penyelia dalam warna:

- Golden Brown (kod 2627)
 - BPG
- Medium Blue (kod 2621)
 - BS(PM), BS(PM&P)

✚ **Satu(1)** tidak berjilid untuk Perpustakaan, UPM

4. AMARAN: PLAGIAT/PLAGIARISM

Satu fenomena yang kian menular di kalangan pelajar ialah amalan plagiat. Pelajar yang dikesan melakukan plagiat, sama ada separa atau penuh, akan diberi gred “F” (atau gagal). Plagiat bermaksud amalan membuat petikan sesuatu bahan daripada sumber tertentu tanpa memberikan penghargaan (acknowledgement) kepada penulis asalnya. Bahan tersebut mungkin merupakan satu ayat/perenggan/bahagian ataupun hanya beberapa bahagian ayat yang dicantumkan dengan perkataan-perkataan sendiri.

Apabila dibuat petikan sepenuhnya atau terjemahan secara langsung, maka petikan tersebut hendaklah dinyatakan dalam “.....” (dengan tanda sebutan atau *quotation*) yang kemudian diikuti dengan, nama penulis, tahun dan muka surat di dalam kurungan.

Contoh:

Mereka menyatakan bahawa, “with the dead-end form of production and increasing external obligations, much of the Wollo peasantry was reduced to acute poverty’. Households had...” (Allen & Thomas, 1992, muka surat 23).

Apabila dipetik sebahagian daripada perenggan/bahagian dan kemudiandigabung dengan perkataan sendiri, maka ayat tersebut hendaklah diikuti dengan nama penulis, tahun (dalam kurungan) di permulaan ayat dan dilengkapi dengan muka surat di akhir ayat.

Contoh:

Allen dan Thomas (1992) menyatakan bahawa **“with the dead-end form of production and increasing external obligations”** {ayat sendiri atau ayat orang lain}, **“much of the Wollo peasantry was reduced to acute poverty”** (muka surat 23).

Apabila membuat huraian dengan menggunakan perkataan sendiri berhubung dengan sesuatu definisi, konsep, hipotesis dan sebagainya yang dikemukakan oleh orang lain, maka huraian tersebut hendaklah disertakan dengan perkataan, “berdasarkan” atau “menurut” (based on), nama penulis dan diikuti dengan tahun di dalam kurungan.

Contoh:

Menurut Allen dan Thomas (1992), ramai daripada kalangan pekebun Wollo terjatuh dalam golongan kemiskinan yang teruk di sebabkan hasil produk yang berbentuk “dead-end” dan peningkatan obligasi luaran, {ayat sendiri atau ayat orang lain}.

atau

Ramai daripada kalangan pekebun Wollo terjatuh dalam golongan kemiskinan yang teruk disebabkan hasil produk yang berbentuk “dead-end” dan peningkatan obligasiluaran, {ayat sendiri atau ayat orang lain} (Allen dan Thomas, 1992).

Bentuk-bentuk plagiat

Menurut buku '*Doing Research: The Research Paper Guide*' oleh Seylor (1999), bentuk-bentuk plagiat adalah seperti:

- 'Meminjam' kertas kerja rakan
- Memuat turun kertas kerja dari internet
- Menghantar kertas kerja tanpa sumber rujukan dan dokumentasi
- Menghantar kertas kerja dengan menggunakan petikan dalam teks tetapi tiada senarai sumber yang dirujuk atau mempunyai senarai rujukan tetapi tiada petikan dalam teks
- Meniru perenggan dari sesuatu sumber tanpa meletakkan perenggan tersebut dalam buka/tutup kata dan membuat rujukan kepadanya.
- Mendokumentasikan hanya bahan yang dipetik tetapi tidak mendokumentasi bahan yang diringkaskan.
- Mengekalkan terlalu banyak ayat dari petikan yang asal semasa membuat ringkasan
- Merujuk kepada petikan yang terlalu panjang tanpa menyatakan had di mana petikan yang dirujuk adalah dari sumber asal

Plagiat boleh berlaku secara:

- Tidak sengaja
Pelajar tidak tahu cara membuat rujukan dan dokumentasi yang betul. Oleh itu pelajar dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat bagaimana cara menulis sumber dan rujukan. Buku panduan ini menerangkan keadah membuat rujukan dan dokumentasi yang betul.
- Sengaja
Pelajar dengan sedar 'meminjam' sebahagian dari kertas kerja tanpa merujuk kepada sumber asal. Mereka mungkin menambahkan sedikit pengenalan atau kesimpulan pada kerja asal. Ini adalah plagiat kerana pelajar tersebut bukan penulis asal perenggan atau bab tersebut.

Cara untuk mengelakkan berlakunya plagiat

Cara utama untuk mengelakkan plagiat adalah dengan memberi penghargaan kepada kerja yang telah dilakukan oleh orang lain dalam tesis tersebut. Pelajar harus memberi penghargaan ke atas kerja yang telah dilakukan oleh orang lain walaupun sumber asal telah diringkaskan.

Seylor, U. (1999) *Doing Research: The Complete Research Paper Guide*. Boston: McGraw.

5. LAMPIRAN A: KOMPONEN DRAF KERTAS CADANGAN

1. Muka surat tajuk

Tajuk yang dicadangkan (menunjukkan angkubah utama yang ingin dikaji dan populasi), nama pelajar, program, institusi dan nama penyelia.

2. Jadual kandungan

Jadual kandungan boleh disediakan untuk menunjukkan susunan rangka kertas cadangan.

3. Pendahuluan

Pendahuluan seharusnya mengandungi:-

- i. Pengenalan
- ii. Kenyataan masalah (dan persoalan kajian jika ada)
- iii. Kepentingan kajian
- iv. Objektif kajian
- v. Hipotesis (sekiranya perlu)
- vi. Definisi konseptual dan operasional istilah utama (seperti angkubah bebas dan angkubah bergantung yang dikaji)
- vii. Kerangka konseptual kajian.

4. Tinjauan literatur (*Literature Review*)

Teori dan kajian yang menunjukkan tahap pengetahuan berkaitan dengan masalah yang ingin dikaji. Bahagian ini disimpulkan dengan ringkasan kajian lalu dan implikasinya yang menjurus kepada kajian yang akan dilakukan.

5. Metodologi

- a. **Subjek** – menerangkan populasi dari mana responden akan dipilih (terangkan juga ciri yang menjadi asas pemilihan, saiz dan sebagainya). Boleh juga menerangkan cara sampel dipilih di bahagian ini ataupun di bahagian prosedur.
- b. **Instrumen (bahan dan peralatan)** – instrumen yang akan digunakan diterangkan dengan terperinci termasuklah 'reliability' dan 'validity' sekiranya berkaitan, dan tujuan instrumen tersebut digunakan. Sekiranya pengukuran baru digunakan dalam kajian, terangkan prosedur membentuk dan menilai instrumen tersebut, juga cadangan prauji. Terangkan juga alatan khas yang digunakan di dalam kajian sekiranya berkaitan.
- c. **Prosedur** – dalam bahagian ini diterangkan langkah demi langkah bagaimana kajian akan dijalankan (termasuklah pemilihan sampel, pengumpulan data dan sebagainya).
- d. **Rekabentuk dan analisis** – program komputer dan statistik yang akan digunakan.

6. Rujukan

Rujukan disenaraikan mengikut urutan abjad dan ditulis mengikut stail penulisan rujukan yang tertentu.

7. Lampiran

Termasuklah instrumen yang akan digunakan dan hasil prauji yang telah dibuat.

6. LAMPIRAN B: CONTOH MUKA TAJUK

<p>2½”</p>	<p>2½”</p> <p>PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN IBU BAPA-REMAJA, KESEPIAN DAN KETAGIHAN INTERNET DALAM KALANGAN REMAJA DI PULAU PINANG (HURUF BESAR, TENGAH, BOLD, 12-POINT)</p> <p>5½”</p> <p>OLEH HOO HOOI YING (HURUF BESAR, TENGAH, BOLD, 12-POINT)</p> <p>8¾”</p> <p>Projek ini merupakan salah satu keperluan kursus untuk mendapatkan Bachelo Sains (Pembangunan Manusia) dari Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia</p> <p>Jun 2014 (Bulan dan Tahun tesis dihantar)</p>
------------	---

7. LAMPIRAN C: CONTOH PENGESAHAN PENYELIA

2¼”	<p>Projek bertajuk “Perkaitan Antara Hubungan Ibu Bapa-Remaja, Kesepian dan Ketagihan Internet Dalam Kalangan Remaja di Pulau Pinang” telah disediakan oleh Hoo Hooi Ying dan diserahkan kepada Fakulti Ekologi Manusia sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan Bachelo Sains (Pembangunan Manusia).</p>
8¾	<p>Diterima untuk diperiksa oleh:</p> <p>_____</p> <p>(Nama Penyelia)</p> <p>Tarikh: _____</p>

8. LAMPIRAN D: CONTOH PENGAKUAN PELAJAR

2¼”	<p>Saya mengisytiharkan bahawa projek ini adalah berdasarkan hasil kerja saya sendiri dengan bantuan mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber yang diberitahu di dalam pengakuan. Saya juga mengisytiharkan hasil kerja saya ini tidak pernah dihasilkan oleh mana-mana pelajar bachelo UPM serta institusi pengajian yang lain.</p>
8¾	<p>Disahkan oleh:</p> <p>_____</p> <p>(Nama Pelajar)</p> <p>Tarikh: _____</p>

9. LAMPIRAN E: CONTOH ABSTRAK

PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN IBU BAPA-REMAJA, KESEPIAN DAN KETAGIHAN INTERNET DALAM KALANGAN REMAJA DI PULAU PINANG

Oleh
Hoo Hooi Ying

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan antara hubungan ibu bapa-remaja, kesepian, dan ketagihan internet dalam kalangan remaja di Pulau Pinang. Terdapat 461 remaja yang terlibat dalam kajian ini di mana mereka dipilih melalui persampelan kelompok. Data dikumpul dengan borang soal selidik. *Parent Attachment* dari *Inventory Parent and Peer Attachment* (Armsden & Greenberg, 1987) telah digunakan untuk mengukur hubungan ibu bapa-remaja. *UCLA Loneliness Scale* (Versi 3) (Rusell, 1996) telah digunakan untuk mengukur kesepian. *Internet Addiction Test* (Young, 1998) telah digunakan untuk mengukur ketagihan internet. Hasil kajian menunjukkan hubungan ibu bapa-remaja dan ketagihan internet mempunyai perhubungan negatif ($r=-.259$, $p=.000$). Di samping itu, kesepian mempunyai perhubungan positif dengan ketagihan internet ($r=.213$, $p=.000$). Tambahan pula, terdapat perbezaan signifikan ketagihan internet ($t=3.489$, $p=.001$) antara remaja lelaki dan perempuan. Kajian ini telah menyimpulkan bahawa jantina, hubungan ibu bapa-remaja, dan kesepian merupakan prediktor signifikan terhadap ketagihan internet dalam kalangan remaja, di mana hubungan ibu bapa-remaja adalah penyumbang terbesar. Hasil kajian ini mencadangkan hubungan ibu bapa-remaja yang positif dan kuat adalah penting untuk mencegah ketagihan internet dalam kalangan remaja. Adalah disarankan kajian masa depan untuk mengambil kira faktor-faktor yang lain dalam penyelidikan ketagihan internet remaja. Kajian akan datang boleh diperluaskan di lebih banyak negeri di Malaysia dengan saiz sampel yang besar untuk meningkatkan generalisasi dan menghasilkan data yang lebih dipercayai.

10. LAMPIRAN F: CONTOH ABSTRACT

RELATIONSHIPS BETWEEN PARENT-ADOLESCENT RALATIONSHIP, LONELINESS, AND INTERNET ADDICTION AMONG ADOLESCENTS IN PENANG

**By
Hoo Hooi Ying**

The main purpose of this study was to determine the relationships between parent-adolescent relationship, loneliness, and internet addiction among adolescents in Penang. There were a total of 461 adolescents participated in this study where they were randomly drawn by using cluster sampling. The data were collected through a set of self-administered questionnaire. Parent Attachment from Inventory Parent and Peer Attachment (Armsden & Greenberg, 1987) was used to determine parent-adolescent relationship. UCLA Loneliness Scale (Version 3) (Russell, 1996) was used to measure loneliness. Internet Addiction Test (Young, 1998) was used to measure internet addiction. The finding demonstrated that parent-adolescent relationship and internet addiction was negatively correlated ($r = -.259$, $p = .000$). In addition, loneliness is positively correlated with internet addiction ($r = .213$, $p = .000$). Furthermore, significant gender difference was found in internet addiction ($t = 3.489$, $p = .001$) among adolescents. Lastly, this study concluded that gender, parent-adolescent relationship, and loneliness were significant predictors for internet addiction among adolescents, where parent-adolescent relationship was the strongest predictor. Findings of this study suggest that positive and strong parent-adolescent relationship is vital in preventing problematic or addictive behavior among adolescents. Educationists should work together to induce adolescents in proper internet use. It is recommended for future research to take account of the predictive factors for adolescents' internet addiction. Furthermore, future research could be expanded in various states in Malaysia with increased sample size in order to provide greater generalization and yield a more reliable data.

11. LAMPIRAN G: CONTOH PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian kepda ALLAH S.W.T dan syukur ke hadrat Illahi, segala usaha dan pengorbanan yang dilakukan, telah terhasil kajian ini dengan jaya dan lancarnya.

Ucapan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada penyelia projek, Dr. Husniyah Abd Rahim @ Abd Wahab yang telah memberi dorongan, bimbingan, teguran dan nasihat yang amat berharga sehingga saya dapat menghasilkan projek tahun akhir ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Prof. Madya Dr. Mumtazah Othman dan Puan Naimah Mohd Salleh sebagai penyelaras dalam memberikan maklumat dan cadangan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah terutamanya di Jabatan Pengurusan dan Pengajian Pengguna yang telah memberi semangat dan bimbingan sepanjang saya mengikuti pengajian ini di Fakulti Ekologi Manusia.

Jutaan terima kasih untuk insan yang teristimewa buat ayahanda serta ibunda tercinta Jamaludin Sarijau dan Mariam Salleh di atas pengorbanan, dorongan, kasih sayang dan doa restu yang diberikan. Sekalung penghargaan juga kepada peniaga di Melaka Tengah, Melaka yang telah memberi kerjasama bagi pengumpulan data. Ribuan terima kasih juga kepada insan yang teristimewa yang banyak memberi dorongan dan semangat sepanjang pengajian di sini. Khas buat teman-teman seperjuangan yang sentiasa memberi dorongan, tunjuk ajar serta semangat yang kuat untuk menyiapkan projek ilmiah tahun akhir ini terutama rakan-rakan Bacelor Pengajian Pengguna sesi 2010-2014. Istimewa buat sahabat yang dikasihi Norliyani, Halimah, Farahizzati, Zakiah, Siti Hajar dan Siti Balqis terima kasih di atas dorongan dan sokongan anda yang tidak putus-putus.

12. LAMPIRAN H: CONTOH JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
PENGESAHAN PENYELIA	i
PENGAKUAN PELAJAR	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
JADUAL KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	4
1.3 Kepentingan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Hipotesis Kajian	12
1.6 Limitasi Kajian	12
1.7 Definisi Konseptual dan Operasional	13
1.8 Kerangka Kajian	16
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Orientasi Masa Hadapan	18
2.2 Pengetahuan Terhadap Perancangan Persaraan	20
2.3 Sikap Terhadap Perancangan Persaraan	22
2.4 Amalan Perancangan Persaraan	24
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Rekabentuk Kajian	28
3.2 Lokasi Kajian	30
3.3 Pemilihan Sampel	31
3.4 Instrumen	31
3.5 Pengumpulan Data	34
3.6 Penganalisan Data	35
3.7 Kajian Rintis	36
BAB 4: HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Latar Belakang Responden	39
4.2 Orientasi Masa Hadapan	43
4.2.1 Skor Orientasi Masa Hadapan	

4.3	Pengetahuan Perancangan Persaraan	46
4.3.1	Skor Pengetahuan Perancangan Persaraan	48
4.4	Sikap Terhadap Perancangan Persaraan	49
4.4.1	Skor Sikap Terhadap Perancangan Persaraan	51
4.5	Amalan Perancangan Persaraan	51
4.5.1	Skor Amalan Perancangan Persaraan	54
4.6	Pengujian Hipotesis Kajian	
4.6.1	Perkaitan Yang Signifikan Di Antara Orientasi Masa Hadapan Dengan Amalan Perancangan Persaraan	55
4.6.2	Perkaitan Yang Signifikan Di Antara Pengetahuan Dengan Amalan Perancangan Persaraan	56
4.6.3	Perkaitan Yang Signifikan Di Antara Sikap Dengan Amalan Perancangan Persaraan	58
BAB 5:	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Rumusan	61
5.2	Implikasi	64
5.3	Cadangan	69
RUJUKAN		71
LAMPIRAN		74
Lampiran 1: Borang Kaji Selidik		
Lampiran 2: Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan		
Lampiran 3: Senarai Nama Premis di Medan Sumatera		
Lampiran 4: Senarai Nama Premis di Dataran Pahlawan Megamall		

13. LAMPIRAN I: CONTOH SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Sumber Pengukuran Pembolehubah	32
2. Nilai Koefisien Alfa	37
3. Latar Belakang Responden	41
4. Taburan Pendapatan Berdasarkan Jantina	42
5. Orientasi Masa Hadapan	44
6. Jumlah Skor Orientasi Masa Hadapan	46
7. Pengetahuan Perancangan Persaraan	47
8. Jumlah Skor Pengetahuan Perancangan Persaraan	48
9. Sikap Terhadap Perancangan Persaraan	50
10. Jumlah Skor Sikap Terhadap Perancangan Persaraan	51
11. Amalan Perancangan Persaraan	53
12. Jumlah Skor Amalan Perancangan Persaraan	54
13. Perkaitan di Antara Orientasi Masa Hadapan dengan Amalan Perancangan Persaraan	56
14. Perkaitan di Antara Pengetahuan dengan Amalan Perancangan Persaraan	58
15. Perkaitan di Antara Sikap Terhadap Perancangan Persaraan dengan Amalan Perancangan Persaraan	59
16. Rumusan Analisis Hipotesis	60

14. LAMPIRAN J: CONTOH SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1. Kerangka Konseptual Kajian	16
2. Carta Aliran Proses Kajian	30

15. LAMPIRAN K: CONTOH SENARAI SINGKATAN

MBMB	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

**16. LAMPIRAN L: CONTOH FORMAT RUJUKAN/BIBLIOGRAFI
FORMAT APA (*American Psychological Association*)**

Buku

Moos, R. & Moos, B. (1974). *Family Environment Scale Manual*. Palo Alto, C.A: Consulting Psychologist Press.

Miller, D.F. (1996). *Positive Child Guidance*. New York: Thomson.

Jurnal

Rozumah, B. (1996). Ecological predictors of the parenting behavior of Malay mothers. *Pertanika Journal Science & Humanities*, 4(1), 29-39.

Ramsey, P.G. (1995). Changing social dynamics in early childhood classrooms. *Child Development*, 66(3), 764-773.

Thesis/Disertasi

Rumaya, J. (1997). *Marital quality as a function of gender-role egalitarianism among the Malay-Muslim students couples in the Midwest region of the United States of America*. Unpublished Doctoral Dissertation, Michigan State University, U.A.S.

Abdullah, A.M.M. (1992). *Faktor-faktor psikososial terpilih berhubung tentang penyalahgunaan dadah: Analisis korelasi dan perbandingan antara penyalahguna dadah dengan bukan penyalahguna dadah*. Unpublished Doctoral Dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Laporan

Bank Data Negeri/Daerah (1998). Jabatan Perangkaan Malaysia. Kuala Lumpur: Malaysia.

Air Quality Aspects of The Development of Offshore Oil and Gas Resources (1994). California Air Resources Board. Sacramento: CA.

Artikel online

VandenBos, G. (2001). Role of reference elements in the selection of resources by psychology undergraduates [Electronic version]. *Journal of Bibliographic Research*, 5, 117-123.

atau

VandenBos, G., Knapp, S., & Doe, J. (2001). Role of reference elements in the selection of resources by psychology undergraduate. *Journal of Bibliographic Research*, 117-123. Retrif October 13, 2001, dari <http://jb.org/articles.html>.

Fredrickson, B.I. (2000, March 7). Cultivation positive emotions to optimize health and well-being. *Prevention & Treatment* 3, Article 0001a. Retrif November 20,2000, from <http://journals.ap.org/prevention/volume3/preo03001a.html>.

Glueckauf, R.L., Whitton, J., Baxter, J., Kain, J., Vogelgesang, S., Hudson, M. (1998, July). Videocounseling for families of rural teens with epilepsy – Project updata. *Telehealth News*, 2(2). Retrif dari <http://www.telehealth.net/subscribe/newslett4a.html>.

Dokumen online

Chou, L.M., McClintock, R., Morretti, F., & Nix, D.H. (1993). *Technology and education: New wine in new bottles: Choosing pasts and imagining educational futures*. Retrieved August 24, 2000, dari Columbia University, Institute for Learning Technologies Web site:

<http://www.ilt.columbia.edu/publications/papers/newwinel.html>.

GVU's 8th WWW user survey. (n.d). Retrieved August 8, 2000, dari

<http://www.cc.gatech.edu/gvu/usersurveys/survey 1997-10/>

Rujukan Internet (Buku)

Stolberg, S.G. (1997). Bid to Absolve Saccharin is rebuffed by US Panel, **<http://www.junkscience.com/news/sac2.html>** Brown, T.A.. (2004) (2nd ed.). Blackwell.

***Nota:**

Rujuk mukasurat 5-12 untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

17. LAMPIRAN M: AGIHAN MARKAH MENGIKUT SEMESTER

	Pertama (%)	Kedua (%)	Jumlah (%)
Cadangan Projek	10	-	10
Pembentangan	15	15	30
Kemajuan Penulisan:			
▪ Bab 1,2,3 & Instrumen	10	-	10
▪ Bab 4 & 5	-	10	10
Laporan Akhir	-	30	30
Laporan Akhir (berjilid)	-	10	10
JUMLAH	35	65	100

18. LAMPIRAN N: CONTOH KULIT MUKA HADAPAN

<p>NAMA PELAJAR</p>	<p>2½” PERKAITAN ANTARA HUBUNGAN IBU BAPA-REMAJA, KESEPIAN DAN KETAGIHAN INTERNET DALAM KALANGAN REMAJA DI PULAU PINANG (HURUF BESAR, TENGAH, BOLD, 18-POINT WARNA EMAS)</p>
<p>PROGRAM</p>	
<p>SESI AKADEMIK</p>	<p>5½” NURUL FARIHA BINTI JAMALUDIN (HURUF BESAR, TENGAH, BOLD, 18-POINT WARNA EMAS)</p>
	<p>8¾” JABATAN PEMBANGUNAN MANUSIA DAN PENGAJIAN KELUARGA FAKULTI EKOLOGI MANUSIA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA 2013/2014 (HURUF BESAR, TENGAH, BOLD, 18-POINT WARNA EMAS)</p>

19. LAMPIRAN O: JENIS DAN TAHAP TAJUK

Tahap 1	→	TENGAH HURUF BESAR
Tahap 2	→	Tengah, Bold, Huruf Besar & Huruf Kecil
Tahap 3	→	Tepi, Bold, Huruf Bedar dan Huruf Kecil
Tahap 4	→	<u>Tepi, garis, Huruf Besar dan Huruf Kecill</u>
Tahap 5	→	<u>Jangkau, garis, huruf kecil diakhir dengan titik.</u>

Cadangan tahap untuk tajuk kecil

2 tahap -- tahap 2 dan 3

3 tahap -- tahap 2, 3 dan 4

4 tahap -- tahap 2,3,4 dan 5

5 tahap -- tahap 1 hingga 5

20. LAMPIRAN P: CONTOH JADUAL

Jadual 8: Perkaitan antara sosio-ekonomi dengan skor penggunaan barangan keluarga (n=120)

Angkubah	Kualiti Perumahan & Kemudahan Tempatan	Pemilikan Barangan Tahan Lama	Tahap Kesihatan	Pengambilan Makanan
Umur ketua isirumah	-.1612	0400	-.2373	-.0602
Saiz isirumah	-.0369	.2099	.0105	.3752***
Pendapatan isirumah	.2254	2883**	.2656*	.2055

Nota: * p<0.05
** p<0.01
*** p<0.001